

Sanad al-Quran Syeikh Kuraim Rajih: Satu Penelitian

Quranic Chain's Sheikh Kuraim Rajih: An Examine Studies

Mohd Hasbie al-Shiddieque Bin Ahmad¹, Khairul Anuar Bin Mohammad², Samer Najeh Abdullah Samarh^{3*}

¹ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, alshiddieque@kuis.edu.my

² Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, Khairul@usim.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, Samernajeh@usim.edu.my

*Penulis Penghubung: Mohd Hasbie al-Shiddieque Bin Ahmad¹

Artikel diterima: 20 Oktober 2019

Selepas Pembetulan: 7 November 2019

Diterima untuk terbit: 15 November 2019

Abstrak

Pengajian al-Quran secara bersanad mendapat perhatian yang meluas di kalangan masyarakat Islam Malaysia. Sebagai buktinya ialah kecenderungan masyarakat Islam Malaysia menekuni ulama al-Quran di dalam Malaysia mahupun di luar negara. Perkembangan ini juga selari dengan usaha ulama al-Quran memberi sumbang bakti kepada masyarakat Islam. Dengan adanya perkembangan teknologi khususnya teknologi pengangkutan memudahkan lagi proses pembelajaran secara talaqqi musyafahah sama ada seorang ulama al-Quran menziarahi sesuatu negeri atau pun seorang pelajar menekuni ulama al-Quran di seluruh dunia. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti sanad al-Quran Syeikh Kuraim Rajih dan sumbangannya dalam bidang qiraat. Sanad yang diteliti adalah bacaan qiraat riwayat Hafsh 'An 'Asim. Metode kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif yang mana analisis dokumen diaplikasikan dalam kajian ini. Selain itu metode kajian perpustakaan juga diadaptasikan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa Syeikh Kuraim Rajih merupakan pemegang sanad yang ke 28 di kalangan rijal sanad.

Kata kunci

Sheikh Kuraim Rajih, Talaqqi, Pengajian Sanad, Penelitian Sanad, Sumbangannya

Abstract

The study of the Quran has been widely practiced by the Muslim community. As proof of this is the tendency of the Malaysian Muslim community to study the Quran in Malaysia as well as abroad. This development is also in line with the efforts of the Quranic scholars to devote themselves to the Muslim community. Through the development of technology, especially the technology of transportation facilitates, the learning process of *talaqqi* and *musyafahah* whether a Quranic scholar visits a country,

or a student visits a Quranic scholar worldwide. Therefore, this paper aims to examine the Quranic chain's Shiekh Kuraim Rajih and his contributions to the field of qiraat. The examine of Quranic chain focus in riwayat Hafs from Imam Asim. While, the research method was applied with qualitative method which is document analysis. In addition, the library research method was also adopted in this study. The results showed that the quranic chain between Sheikh Kuraim Rajih and Rasulullah saw only 28th holder.

Keywords

Sheikh Kuraim Rajih, Talaqqi, Quranic Chain, Learning Process, Contribution

1. Pengenalan Pengajian Sanad Al-Quran

Berdasarkan sejarah penurunan al-Quran di Gua Hira', Nabi Muhammad saw mengikut bacaan Jibrail a.s setelah beberapa kali memaklumkan kepada Jibrail a.s mengenai ketidakupayaan Nabi Muhammad saw dalam memenuhi hajat Jibrail as. Namun dengan panduan dan tunjuk ajar Jibrail as, Nabi Muhammad saw dapat membaca awal surah al-Alaq sehingga ayat 5. Maka proses permulaan talaqqi al-Quran boleh disandarkan berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku di Gua Hira'. (Sedik Ariffin)

Selain itu terdapat beberapa dalil yang membuktikan bahawa pembelajaran al-Quran haruslah melalui kaedah talaqqi. Kebanyakan ulama dalam bidang Ulum al-Quran berpegang dalil-dalil al-Quran dan al-Hadis.

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۖ ١٦ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۚ ١٧ فَإِذَا قَرَأَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۚ ١٨

Maksudnya: Janganlah engkau (Muhammad) menggerak-gerakkan lidahmu kerana hendak bersegera membaca dan menghafaznya (sebelum selesai Jibril membacanya). Sesungguhnya kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran (ke dadamu) dan Kamilah yang menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah selesai membacanya maka ikutlah bacaannya”.

Surah al-Qiyamah (75): 16-18

Berdasarkan petikan ayat di atas, dapat dikategorikan kepada tiga bahagian yang utama. (Rawi, 1994) Allah swt ingin mengajar Nabi Muhammad saw cara bertalaqqi wahyu. Sesungguhnya Nabi Muhammad saw telah mendahului bacaan Jibrail as sebelum sempurnanya bacaan Jibrail as. Seterusnya Allah swt mengarahkan Nabi Muhammad saw supaya mendengar sepenuhnya bacaan tersebut dan Allah swt akan menjaga dan menjelaskan ayat tersebut:

- i. Membacanya
- ii. Menjelaskan dan memperincikan makna ayat tersebut.

وَقُرْءَانًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ۝ ١٠٦

Maksudnya: "Dan al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan ia supaya engkau (Wahai Muhammad saw) membacakannya kepada manusia dengan lambat, tenang dan Kami menurunkannya beransur-ansur".

Surah al-Isra' (17):106

وَإِنَّكَ لَتَلْمِىَ الْقُرْءَانَ مِنَ لَدُنِّ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ۝ ٦

Maksudnya: "Dan Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad saw) diberikan menyambut dan menerima al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui."

Surah al-Naml (27):6

Nabi Muhammad saw juga bertalaqqi bersama Jibrail a.s semasa hayatnya dan menghidupkan bulan Ramadhan dengan bertalaqqi bersama Jabrail as. sehingga di akhir usia Nabi Muhammad saw. Tambahan pula, pada tahun terakhir hayat Nabi Muhammad saw telah bertalaqqi bersama gurunya iaitu Jibrail as sebanyak dua kali khatam pada bulan Ramadhan. Sekali gus dapat membuktikan bahawa kaedah pemindahan al-Quran adalah menerusi kaedah talaqqi. Hal ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah dan Fatimah ra katanya: kami mendengar Rasulullah saw bersabda:

"أن الجبريل كان يعارضني القرآن في كل سنة مرة ، وأنه عارضني العام مرتين، ولا أراه إلا حضر أجلي"

Maksudnya: "Jibrail as membaca al-Quran kepadaku setiap tahun sekali dan sesungguhnya Jibrail membaca al-Quran kepadaku pada tahun ini sebanyak dua kali. Aku tidak melihatnya melainkan ajalku telah datang."

Al-Bukhari, No. 3623

2. Para Sahabat Bertalaqqi Dengan Nabi Muhammad saw

Seterusnya, para sahabat menerima al-Quran secara langsung dari Nabi Muhammad saw. Malah terdapat beberapa sahabat yang diiktiraf oleh Nabi Muhammad saw mengenai bacaan al-Quran. Antara contoh pengiktirafan oleh Nabi Muhammad saw adalah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amru bin al-A'sh berkata: Aku mendengar Rasulullah saw bersabda:

"خذوا القرآن من أربعة: من ابن أم عبد فبدأ به ومعاذ بن جبل، وأبي بن كعب، وسالم مولى أبي حذيفة "

Maksudnya: Pelajarilah al-Quran daripada empat orang (salah seorang dari empat): `Abdullah bin Mas'ud, Mu'az bin Jabar, Ubai bin Ka'ab, Salim merupakan Abu Huzaifah.

Muslim, No 3088.

Seterusnya hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin A'mru r.a berkata:

عن عبد الله بن عمرو رضي الله عنهما قال: سمعت رسول الله ﷺ يقول: "استقرئوا القرآن من أربعة: من عبد الله بن مسعود - فبدأ به - وسالم مولى أبي حذيفة و أبي بن كعب، ومعاذ بن جبل "

Maksudnya: Aku mendengar Rasulullah saw bersabda: "Pelajarilah al-Quran daripada empat orang (sahabat): Abdullah bin Mas'ud, Salim hamba kepada Abu Huzaifah, Ubai bin Ka'ab, and Muazdh bin Jabal".

Al-Bukhari, No. 3758.

Imam Malik ra pernah ditanya mengenai pengumpulan al-Quran pada zaman Nabi Muhammad saw maka dijawabnya empat orang yang mewakili dua orang dikalangan Muhajirin dan dua orang di kalangan Ansar. Ini berdasarkan Athr yang diriwayatkan oleh Qatadah dengan berkata: (al-Qattan, 2007)

"سألت أنس بن مالك: من جمع القرآن على عهد رسول ﷺ؟ فقال: أربعة، كلهم من الأنصار: أبي بن كعب، ومعاذ بن جبل، وزيد بن ثابت، وأبو زيد، قلت من أبو زيد؟ قال: أحد عمومي "

Maksudnya: Aku bertanya kepada Anas bin Malik, siapa yang mengumpul al-Quran pada zaman Nabi Muhammad saw? Maka jawab beliau: Empat orang, semuanya dari golongan Ansar iaitu Ubai bin Ka'ab, Mu'az bin Jabbal, Zaid bin Thabit, dan Abu Zaid. Aku berkata: "Siapa Abu zaid?" Jawab beliau: Salah seorang daripada bapa saudara aku.

3. Keistimewaan Sahabat Yang Mahir Dalam al-Quran

Berdasarkan kepada saranan Rasulullah saw mengenai pengambilan bacaan al-Quran di kalangan para sahabat ra, maka dapat dirumuskan bahawa terdapat enam orang sahabat ra. Nama sahabat Nabi saw yang tercatat dalam teks sanad Syeikh Kuriam Rajih adalah lima orang sahabat. Antara mereka ialah (Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Zahabi, 2003):

i. Ali bin Abi Talib

Beliau adalah Abdul Manaf bin Abd al-Mutalib bin Hāsīm bin Abdul Manaf bin Qadhi bin Kalab. Beliau adalah Amir al-Mu'minin yang ke empat dan merupakan sepupu Rasulullah saw. Beliau merupakan sahabat yang terawal menerima Islam. Namun terdapat perbezaan pendapat ulama dalam menentukan umur sebenar Ali bin Abi Talib semasa menerima Islam. Ada pendapat yang mengatakan umur beliau adalah tujuh tahun, ada yang mengatakan umur beliau lapan tahun, ada yang mengatakan umur beliau sembilan tahun, ada yang mengatakan umur beliau sepuluh tahun, ada yang mengatakan umur beliau dua belas tahun, ada yang mengatakan umur beliau tiga belas tahun, dan ada yang mengatakan umur beliau lima belas tahun,

Beliau merupakan salah seorang pengumpul al-Quran pada hayat Nabi saw. Namun demikian, menurut pendapat al-Sya'bi al-Quran mengatakan bahawa al-Quran tidak terkumpul di kalangan Khulafa' al-Rasyidin. Pendapat al-Sya'bi telah ditolak dengan adanya pendapat yang lain seperti Uliy bin Rubah dan pendapat Asim bin Abi Najud. Beliau meninggal pada 10 Ramadhan tahun 40H di Masjid Kuffah pada usia 57 tahun.

ii. Abdullah bin Mas'ud.

Beliau adalah Ibn Ghāfir bin Habib bin Syamakh bin Fāz bin Makhzum bin Şāhilah bin Kāhil bin al-Harith Ibn Tamim bin Hazil bin Mudrikah bin Ilyas bin Maḍor bin Nazār. Dikelali sebagai al-Imam Abu Abd al-Rahman al-Hazali al-Makki. Beliau merupakan salah seorang sahabat yang terawal dalam perkembangan agama Islam dan terlibat dalam penghijrahan ke Habsyah. Beliau menerima Islam sebelum keislaman Umar al-Khatab. Beliau juga pernah menghafaz al-Quran dihadapan Rasulullah saw sekurang-kurangnya 70 surah.

Beliau mempunyai ramai murid yang mengambil bacaan di kalangan tabi'in. antara mereka ialah 'Alqamah bin Qais, al-Aswad bin Yazid, Masruq bin Ajda', dan Zar bin Hubisy

iii. Ubai bin Ka'ab

Beliau ialah Ibn Qais bin Ubaid bin Zaid bin Muawiyah bin 'Amru bin Malik bin al-Najar dikenali sebagai al-Imam Abu al-Munzir al-Khazarji al-Ansari. Beliau juga merupakan *Kibar al-Sahabah* dan salah seorang yang menyaksikan peperangan Badar pada hayat Rasulullah saw. Ubai bin Ka'ab pernah dipuji dalam bacaan al-Quran. Peristiwa ini disampaikan oleh Nabi Muhammad saw. Nabi pernah membaca al-Quran dihadapan Ubai bin Ka'ab berdasarkan perintah Allah swt melalui Jibrail as. Ini dibuktikan melalui sabda Nabi saw:

“أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِأَبِي بِنِ كَعْبٍ: إِنَّ اللَّهَ أَمَرَنِي أَنْ أُفَرِّقَ الْقُرْآنَ
قَالَ: اللَّهُ سَمَّيَنِي لَكَ؟ قَالَ: نَعَمْ قَالَ: وَقَدْ ذُكِرْتُ عِنْدَ رَبِّ الْعَالَمِينَ؟ قَالَ: نَعَمْ فَذَرَفَتْ
عَيْنَاهُ”

Maksudnya: Wahai Ubai bin Ka'ad, Allah swt memerintah aku untuk membacakan al-Quran kepadamu. Kata Ubai: “Allah menyebut namaku kepada engkau?” kata Rasulullah saw: “Benar”. Berkata Ubai bin Ka'ab: “Aku disebut oleh Pencipta alam Semesta ini?”. Kata Rasulullah saw: “Benar”. Maka Ubai bin Ka'ab menanggung gembira.

Al-Bukhari, No. 4961.

Beliau juga mempunyai murid terutamanya di kalangan *Ṣiḥar al-Ṣaḥabah* seperti Ibn Abbas, Abu Hurairah, Abdullah bin al-Saaib, Abdullah bin 'Iyaas bin Abi Rabi'ah dan Abd al-Rahman al-Sulami. Terdapat dua pendapat mengenai tarikh wafat Ubai bin Ka'ab. Menurut Yahya bin Mu'in, Ubai bin Ka'ab wafat pada tahun 20 Hijrah atau 19 Hijrah.

iv. Zaid bin Thabit

Beliau ialah Abu Dahak bin Zaid bin Lauzan bin 'Amru bin Abudul 'Auf bin Ghanam bin Malik bin al-Najjar. Beliau merupakan pencatit wahyu pada zaman Rasulullah saw. Kemudian pada zaman Abu Bakr dan Uthman bin Affan, beliau merupakan seorang pengumpul al-Quran dan penyalin al-Quran.

Rasulullah saw pernah memuji kelebihan yang ada pada Zaid bin Thabit. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik daripada Rasulullah saw:

“أَفْرَضُ أُمَّتِي: زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ.”

Maksudnya: Sebaik ummatku adalah Zaid bin Thabit

Selain mempunyai kelebihan dalam al-Quran, beliau juga terkenal dalam bidang faraid. Hal ini diakui sendiri oleh al-Sya'bi dengan mengatakan bahawa Zaid dapat menguasai dua perkara iaitu al-Quran dan ilmu faraid.

4. Kepentingan Sanad al-Quran

Kepentingan sanad kepada umat Islam merupakan sesuatu alat atau ilmu yang mengkaji kesinambungan ilmu tertentu semata-mata untuk memastikan kesahihan ilmu tersebut. Selain itu, sanad merupakan usul ilmu dalam Islam yang dijadikan sebagai garis panduan dalam menentukan hukum dalam Islam di samping menjaga kesucian agama Islam daripada penyelewengan dan pemalsuan. (Fauzi, 2009)

Kedudukan al-Quran memerlukan kepada perincian dan penelitian kerana al-Quran merupakan sumber utama dalam agama Islam dan merupakan sesuatu yang diterima melalui proses pemindahan maklumat. Hal ini menunjukkan bahawa ilmu sanad akan menentukan kedudukan ilmu tersebut sama ada sanad tersebut *ṣāḥiḥ* atau *daif*, bersambung atau terputus, dan sebagainya. (Amin, 2013)

Terdapat beberapa dalil al-Quran yang menekankan bahawa sesuatu khabar berita haruslah diteliti kesahihannya. Antaranya ialah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِحُّوا عَلَيَّ مَا فَعَلْتُمْ نُدْمِينَ ٦

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang Fasik membawa suatu berita, Maka selidikilah (untuk menentukan) kebenaran supaya kamu tidak menimpakan suatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menyebabkan kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan.

Surah al-Hujurat (49): 6.

Manakala dalam surah al- Baqarah (2) ayat 282 di bawah ini menjelaskan saksi yang dipersetujui.

مِّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ

Maksudnya: Dari orang yang kamu setuju menjadi saksi.

Surah al-Baqarah (2): 282

Manakala dalam Surah al-Talaq (65) ayat 2 ditambah dengan kalimah adil dalam persaksian.

وَأَشْهَدُوا دَوِيَّ عَدْلٍ مِّنْكُمْ

Maksudnya: Dan adakanlan dua orang saksi yang adil di antara kamu.

Surah al-Talaq (65): 2

Tambahan pula, terdapat beberapa pandangan ulama berkaitan kepentingan sanad dalam agama Islam antaranya ialah (Fauzi, 2009):

i. Abu Ali al-Jayani berkata:

خص الله تعالى هذه الأمة بثلاثة أشياء لم يُعْطِهَا مَنْ قَبْلَهَا ، الإسناد ، والأنساب ، والإعراب

Maksudnya: "Allah ta'ala menghususkan pada umat ini dengan tiga perkara yang tidak diberikan pada orang sebelumnya, Isnad, Ilmu Nasab, l'rob".

ii. Abu Hatim al-Razi berkata:

لم يكن في أمة من الأمم من خَلِقَ اللهُ آدم ، أمناء يحفظون آثار الرسل إلا في هذه الأمة

Maksudnya: "Tidak terdapat di antara umat dari umat (dari ciptaan Allah pada Nabi Adam), suatu keamanan di mana mereka menjaga atsar/hadits para utusan, kecuali terdapat pada umat ini (Islam)"

iii. Abdullah al-Mubarak berpendapat bahawa:

الإسناد عندي من الدين ولولا الإسناد لقال من شاء ما شاء ، فإذا قيل له من حدثك ؟ بقي أي : بقي متحيراً لا يدري ما يقول ، لأنه لا إسناد معه يعرف به صحة الحديث أو ضعفه

Maksudnya: Isnad menurutku merupakan sebahagian dari agama, seandainya tidak ada isnad niscaya orang berkata sekehendak hatinya, ketika dikatakan padanya "Siapakah yang menceritakan padamu?" Ia terdiam, maksudnya ia terdiam dengan kebingungannya, ia tidak mengetahui apa yang ia telah ucapkan, karena ia tidak memiliki isnad yang dengannya dapat diketahui sah atau daif suatu hadits

iv. Sufian al-Thauri berkata:

الإسناد سلاح المؤمن ، إذا لم يكن معه سلاح فبأي شيء يقاتل

Maksudnya: Isnad adalah pedangnya orang iman, bila ia tidak memiliki pedang maka dengan apa ia akan berperang?

5. Istilah Qiraat yang Terdapat Dalam Pengajian Sanad al-Quran

Terdapat beberapa istilah qiraat yang perlu difahami dalam pengajian sanad al-Quran. Istilah ini biasa digunakan oleh seorang guru semasa menyampaikan ilmu Qiraat. Tambahan juga beberapa istilah yang digunapakai dalam kebanyakan teks sanad al-Quran. Oleh yang demikian, pengkaji menyenaraikan beberapa istilah yang perlu dikenalpasti sebelum mendalami ilmu Qiraat. Antara rujukan atau buku yang membincangkan tentang istilah-istilah Qiraat ialah kitab "*Mu'jam Qiraat*" karangan Dr. Abdul Latif al-Khatib, kitab "*al-Qiraat wa Kibar al-Qura' fi Masyriq wa Maghrib*" karangan Muhammad Mustafa al-Hafiz, kitab "*Mu'jam Ulum al-Quran*" karangan Ibrahim bin Muhammad al-Jarami. Istilah Qiraat adalah seperti berikut:

i. Al-Huruf

Perbezaan yang terdapat dalam bacaan al-Quran di kalangan Qurra' samada perbezaan di antara Huruf, Isim, atau Fail di kalangan ulama Nahu. (al-Khatib)

ii. Al-Qiraah

Al-Qiraah merujuk kepada kepelbagaian bacaan al-Quran yang diambil di kalangan ulama Mutaqadimin dan bersambung terus ke Rasulullah SAW. Al-Huruf dan al-Qiraah merupakan satu maksud yang sama iaitu perbezaan bacaan al-Quran. (al-Khatib)

iii. Al-Qirah wa al-Riwayah

Sesuatu bacaan yang disandarkan kepada Imam Qiraah seperti bacaan Qiraah Abu Amru atau Qiraah Abu Amir. Manakala al-Riwayah ialah merujuk kepada dua rawi yang mengambil bacaan dari Imam Qiraah. Sebagai contoh riwayat Hafs dari Qiraah Imam Asim.

iv. Al-Ṭariq

Al-Ṭariq merujuk kepada bacaan yang diambil terus dari al-Rawi seperti bacaan Tabit bacaan Basmalah bagi Qiraat Nafi' iaitu tariq al-Asbahani daripada riwayat Warsh.

v. Al-Muqri' (al-Hafiz, 2003)

Al-Muqri' merujuk kepada seseorang yang mahir dalam Qiraat dan meriwayatnya dengan cara musyafahah dan mampu memberi ijazah kepada orang lain.

vi. Al-Ifrad

al-lfrad merujuk kepada bacaan al-Quran dengan satu riwayat.

vii. al-Jama'

Manakala al-Jama' merujuk kepada bacaan yang dibaca sambil menjaga dan menghafaz Kitab Jama' fi Qiraat dan menguasai ilmu Tajwid, Makhraj dan Sifat al-Huruf secara ilmi dan amali.

6. Biodata Syeikh Kuraim Rajih

Syeikh Muhammad Kuraim bin Sa'id bin Kuraim Rajih dilahirkan di al-Maydan, Damsyiq, Syria pada tahun 1344H/1926M. Bapanya seorang yang buta huruf sementara ibunya seorang hafizah. Beliau merupakan seorang ahli al-Quran yang mendapat sanad ilmu al-Quran dan ilmu qiraat dari ulama Syam dan perkara ini diakui oleh Syeikh Ahmad al-Halwani. (Ghazali, 2011) Sanad beliau merupakan salah seorang murid yang bersambung ke Rasulullah saw melalui gurunya iaitu Syeikh Ahmad al-Hilwani. (Multaqah Ahli Tafsir, 2009)

Beliau mendalami ilmu al-Quran di awal usia muda melalui ibu beliau yang merupakan seorang guru al-Quran. Kemudian beliau meneruskan pengajiannya dengan Syeikh Yassin Zarzur, anaknya Muhamad Zarzur, Syeikh Adib Sabban dan Syeikh Abu Rasyad al-Lubni. (Ghazali, 2011). Selain itu, beliau sempat bertalaqqi mengikut qiraat 'Asyar dengan Syeikh Husin Khatab, Syeikh Salim al-Hulwani, Syeikh Ahmad al-Hulwani berdasarkan *ṭoriq Syatibiyy* dan *Durrah*. Kemudian beliau meneruskan pengajian talaqqi mengikut qiraat 'Asyar berdasarkan *ṭoriq Ṭoibah* bersama Syeikh Abdul Qadir. (Multaqah Ahli Tafsir, 2009). Secara ringkasnya, sepanjang mendalami ilmu al-Quran, Syeikh Kuraim Rajih mempunyai guru lebih daripada 20 orang dan kini beliau digelar sebagai Syeikh Qurra al-Syam.

Ketika usia beliau mencecah 30 tahun, beliau mula menyebarkan amanah sanad yang beliau perolehi kepada murid beliau setelah mana beliau telah menguasai ketiga-tiga kitab utama dalam ilmu Qiraat iaitu *As-Syatibiyyah*, *Durrah*, dan *Toibah*. (Ghazali, 2011). Antara murid beliau yang mengambil bacaan daripada beliau ialah Syeikh Muhammad Fahd Kharuf, Syeikh Taufiq al-Hadad, Syeikh Yusuf Farih, Syeikh Muhammad al-Syafi' (Multaqah Ahli Tafsir, 2009).

Menjadi satu kebiasaan ulama terdahulu bahawa tidak cukup dengan menabur bakti kepada masyarakat setempat berbentuk khidmat, malah ada di kalangan mereka juga mempunyai sumbangan berbentuk tulisan dan karya. Begitu juga yang berlaku kepada Syeikh Kuraim Rajih yang mana beliau mempunyai beberapa karya yang berkaitan dengan ilmu Qiraat. Antara karya yang dihasilkan oleh beliau ialah Iktisar Tafsir Ibn Kathir, *Awda' al-Bayan fi Syarah wa Tafsir al-Qur'an*, *Mukhtasar Tafsir al-Qurtubi*, *al-Maysir fi al-Qira'at al-Arba'ah 'Ashar-Ibn Kathir*, *al-Qira'at al-'Ashr al-Mutawatirah*. (Ghazali, 2011)

7. Ketekunan Guru Syeikh Kuriam Rajih

Antara nama guru Syeikh Kuriam Rajih yang terpapar dalam teks sanad adalah Syeikh Muhammad Faiz bin Muhammad Kamal. Syeikh Muhammad Faiz bin Muhammad Kamal dikenali sebagai Syeikh Qurra pada zaman beliau. Beliau dilahirkan pada tahun 1312H dan meninggal pada tahun 1385H. Beliau meninggal ketika usia 73 tahun (al-Hafiz, 2003).

Syeikh Muhammad Fāiz bin Muhammad Kamal mula menghafaz al-Quran di usia remaja dan sempat menghafaz Mattan al-Syatibiyy secara sempuran bersama Syeikh Muhammad al-Kitab. Namun demikian, beliau tidak sempat menyempurnakan pengajian qiraat Asyarah iaitu mattan al-Syatibiyy dan Durah bersama guru beliau iaitu Syeikh Muhammad al-Kitab. Hal ini disebabkan oleh kewafatan Syeikh Muhammad al-Kitab pada tahun 1346H (al-Hafiz, 2003).

Sungguh pun kewafatan guru beliau, Syeikh Muhammad al-Kitab tidak menjadi penghalang beliau untuk menekuni ilmu al-Quran. Dalam usaha tersebut, beliau menyambung pengajian qiraat Asyarah secara sempurna bersama Syeikh Muhammad Salim al-Hulwani.

Berdasarkan susur jalur teks sanad Syeikh Kuraim Rajih, gurunya Syeikh Muhammad Fāiz bin Muhammad Kamal merupakan guru beliau yang pertama dan diikuti oleh guru Syeikh Fāiz bin Muhammad Kamal iaitu Syeikh Muhammad Salim al-Hulwani. Hal ini membuktikan bahawa Syeikh Muhammad Salim al-Hulwani adalah guru Syeikh Muhammad Fāiz bin Muhammad Kamal dalam bacaan qiraat Asyarah iaitu melalui Mattan Syatibiyy dan Durah.

8. Analisis Teks Sanad Syeikh Kuraim Rajih


Beliau adalah Syeikh Kuriam Rajih Sa'id merupakan Syaikh Qura' pada masa kini. Ijazah yang dianugerahi ini ialah ijazah qiraat sepuluh. Ijazah yang diperolehi beliau ini ialah ijazah dengan *al-'aradh*, dibaca sempurna dengan qiraat sepuluh.


Pada mukaddimah Ijazah, Ijazah sanad ini didahului dengan puji-pujian kepada Allah, selawat dan salam ke atas baginda saw, kemudian dinyatakan kelebihan membaca, mentadabbur dan menghafaz al-Quran berdasarkan hadis-hadis nabi saw.

Kedudukan sanad di antara Imam as-Syatibiyy 590 H dengan Rasulullah saw adalah seramai 11 perawi yang mana pada peringkat yang pertama dinyatakan lima rawi (rijal) di kalangan sahabat iaitu Ali bin Abi Talib 40H ra, Zaid bin Thabit ra 45 H, Ubai bin Ka'ab, Abullah bin Mas'ud 33H dan Uthman bin Affan.

Seterusnya kedudukan perawi sanad di antara Imam al-Jazari 833 H dengan Imam as-Syatibiy 590 H adalah adalah tiga rawi iaitu Abu al-Hasan Ali bin Syuja' 661 H, Muhammad bin Ahmad al-Saigh 725 H, dan Muhammad bin Abdul Rahman al-Hanafi 781 H.

Manakala kedudukan rawi di antara Syaikh Kuraim Rajih dengan Imam al-Jazari adalah 12 rawi melalui toriq Syaikh Saifuddin bin Ato' al-Fadhali 1020 H. Pada ijazah ini, hanya menyatakan satu toriq sahaja terus kepada Imam al-Jazari dan kepada Imam as-Syatibiy. Berikut adalah cohtoh sanad Syaikh Kuraim Rajih





9. Kesimpulan

Pengajian sanad al-Quran merupakan satu sistem kekal dan masih diamalkan sehingga kini. Melalui pengajian talaqqi musyafahah, seseorang *qari* akan mempelajari sebutan dan bacaan bersambung terus kepada Rasulullah saw. Hal ini menjadi satu kebiasaan di kalangan ulama silam yang mana mempelajari al-Quran di peringkat kanak-kanak dan menjadikan al-Quran sebagai panduan utama dalam mempelajari ilmu lain.

Mendalami ilmu al-Quran haruslah menerusi guru yang mursyid dan mu'tabar. Oleh yang demikian, penelitian terhadap maklumat yang diterima amatlah penting terutamanya dalam mendepani era golabalisasi lebih-lebih lagi apabila kurang pengawalan terhadap maklumat. Begitu juga hal yang sama berlaku dalam penelitian terhadap sanad al-Quran perlu diberi perhatian. Hal ini kerana ada sesetengah *muqri'* yang tidak bertanggungjawab dan menyebarkan sanad tanpa memenuhi kriteria sanad al-Quran. Malah terapat juga yang mendakwa bahawa sanad yang diperolehi adalah sanad yang hampir dan paling dekat Rasulullah saw. Wal hal, dalam disiplin ilmu sanad telah bercanggah. Sebagai contoh, seseorang murid hidup sezaman dengan gurunya dan pernah bertemu atau bersua dengan gurunya walaupun buat pertama kali. Sebaliknya, terdapat murid yang tidak pernah berjumpa dengan gurunya dan mendakwa beliau pernah bertalaqqi bersama guru tersebut.

Berdasarkan kepada penelitian sanad al-Quran yang diperolehi oleh Syaikh Kuraim Rajih membuktikan bahawa beliau telah mendalami al-Quran mengikut kaedah yang telah diamalkan oleh ulama terdahulu. Kesenambungan rantai sanad yang diperolehi oleh beliau diteruskan melalui murid-murid beliau yang mengambil secara langsung dengan beliau. Hasil kajian mendapati bahawa Syaikh Kuraim Rajih merupakan pemegang sanad yang ke 28 di kalangan rijal sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah saw. Ini membuktikan bahawa antara kaedah penjagaan al-Quran adalah melalui talaqqi musyafahah daripada guru ke guru yang lain.

10. Rujukan

- al-Asqalani, A. b. (1986). *Syarah al-Hadith Fatth al-Bari Syarah Sohih al-Bukhari*. Dar al-Rayaan li Turath.
- al-Azim, M. S.-H. (1995). *Syarah al-Hadith Aun al-Ma'bud*. Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1980. *Soheh Bukhari*. Kaherah: Maktabah Salafiaah.
- al-Hafiz, M. M. (2003). *al-Qiraat wa Qibār al-Qurra' fi Damsyiq Min al-Kurun al-Awal al-Hijri Hatta al-Aşar al-Ĥadir*. Damsyiq: Dar al-Fikir.
- Ibn al-Jazari, M. b. (1999). *Munjid al-Muqrien wa Mursyid al-Thalibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Manzbur, M. b. (t.t). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Mulaqqin, S. U. (1413). *Al-Muqni' fi Ulum al-Hadis*. Al-Ahsa': Dar Fawaz li al-Nasyr.

- al-Ma'sharawi, D. A. (2008). *Al-Qiraat al-Waridah fi al-Sunnah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Mirhadfi, A. F.-S. (2005). *Hidayah al-Qari ila Tajwid kalam al-Bariy*. Madinah al-Munawarah: Dar al-Fajar al-Islamiyy.
- al-Qattan, Mana' al-Qattan. 2007. *Mabahith fi Ulum al-Quran*. al-Kahirah: Maktab Wahbah.Amin, M. b. (2013).
- al-Suyutiy, J. (1415). *Tadrib al-Rawi*. Riyadh: Maktabah al-Kauthar.
- al-Zarkasyi, B. A.-D. (1998). *Al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn Solah*. Riyadh: Maktabah Adwa' al-salaf.
- Amin, M. b. (2013). *al-Isnad 'Indi 'ulama al-Qiraat*. al-Madinah: Dar al-Khadrah.
- 'Atiah, N. (1988). *Manhaj al-Naqdi fi 'Ulum al-Hadith*. Damsyiq: Dar al-Fikir .
- Azim., Z. A. (2000.). *The Translation of the Meaning of Summarized Sahih Muslim*. Riyad. : Darussalam.
- Fauzi, R. R. (2009). *Asoh al-Asanid* . al-Mansurah: Dar al-Wada'.
- Ghazali, M. R. (2011). *Minda Madani Online*. Retrieved March 03, 2018, from <http://www.mindamadani.my/>
- Hilal, S. A. (2010). *al-Majalah al-Ilmi'ah li Kuliah al-Quran al-Karim lil Qiraat wa Ulumuha*. Mesir: al-Azhar.
- Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Zahabi. (2003). *Ma'rifah al-Qurra al-Kibar Ala al-Ṭabaqāt wa al-'Iṣār* . Saudi Arabia: dar al- 'alam al-kitab.
- Multaqa Ahli Tafsir*. (2009, Mei 21). Retrieved Mac 03, 2018, from https://vb.tafsir.net/tafsir16112/#.Wp6c_WpublU
- Muslim bin al-Hajaj. 1374H. *Sohah Muslim*.
- Muhedin, R. b. (2004). *Sejarah Penulisan dan Pembukuan al-Hadith: Satu Sorotan*. Jurnal Usuluddin, *UM*, 115-138.
- Mukhtar, M. (2008). *Tarikh al-Qiraat fi al-Masyriq wa al-Ma'rib*. Bierut: Dar al-Kitab al-'ailmiah.
- Soffandi, W. D. (2004). *Madzhab Qiraat 'Ashim Riwayat Hafsh di Nusantara: Studi Sejarah Ilmu*.